




# PENGLEKSİKALAN DOMAIN SPEKTRUM: PENYELIDIKAN TERHADAP AKAR SEMANTIK PENGKATEGORIAN WARNA

## *(Lexicalisation of the Spectral Domain: An Investigation Into the Semantic Roots of Colour Categorisation)*

Muhammad Norsyafiq Zaidi     
muhammad.n@psu.ac.th

Jabatan Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Prince of Songkla University, 9400, Pattani, Thailand.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Muhammad Norsyafiq Zaidi. (2026). Pengleksikalan domain spektrum: Penyelidikan terhadap akar semantik pengkategorian warna. *Jurnal Bahasa*, 26(1), 1–30. [https://doi.org/10.37052/jb26\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb26(1)no1)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda  
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: <i>Received:</i>	6/2/2026	Semakan: <i>Revised</i>	24/4/2026	Terima: <i>Accepted:</i>	30/4/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	30/6/2026
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

### Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk menangani isu yang berkaitan dengan pemahaman evolusi leksikal dialek Melayu Pahang purba, khususnya dalam domain warna. Dalam hal ini, pengkaji merungkai kerumitan peluasan semantik, peralihan fonologi dan galur etimologi yang kian kabur. Bagi merungkai kerumitan tersebut, pengumpulan data dan analisis rekonstruktif dilakukan berasaskan kerangka kerja yang dikemukakan oleh Crowley dan Bowern (2010) sebagai panduan dalam pembentukan leksikon purba. Bagi menentusahkan galur leksikal purba berkenaan, kerangka etimologi dan semantik yang dibangunkan oleh Nothofer (2013) diaplikasikan. Pembentukan leksikon purba tersebut berdasarkan data sinkronik yang dikutip di sembilan buah lokasi di sepanjang Sungai Pahang. Sesi temu bual menggunakan soal selidik yang mengandungi senarai 400 kata dilakukan di lapangan bagi mendapatkan bentuk penyebutan setempat. Daripada 400 kosa kata berkenaan, sebanyak 10 kosa kata yang tergolong dalam domain warna dipilih untuk dibincangkan dalam makalah ini. Dapatan utama

mendedahkan kewujudan leksikon warna yang dibentuk oleh dua proses primer, iaitu inovasi dalaman dan kontak linguistik luaran. Proses yang dinyatakan merangkumi interaksi dengan keluarga bahasa Intra-Austronesia, Indo-Eropah dan Parsi. Selain itu, varian tunggal tertentu dalam kajian ini didapati mengekalkan pelabelan spektrum warna sekunder dengan menyandarkannya kepada warna primer. Hal yang paling menarik dan bertentangan dengan andaian konvensional ialah leksikon warna purba yang berafiliasi secara genetik dengan keluarga bahasa Melayik didapati merangkumi warna yang melangkaui kategori warna asas. Tuntasnya, dapatan ini memberikan petunjuk jelas tentang kedinamikan yang sedia ada dalam leksikon dialek Melayu Pahang. Dialek ini sentiasa beradaptasi melalui peminjaman, pewarisan penuh dan modifikasi kata akar bagi membentuk makna baharu, sekali gus memenuhi keperluan terhadap terminologi yang lebih renik dalam spektrum warna.

Kata kunci: Dialek Melayu Pahang purba, evolusi leksikal, leksikon warna, rekonstruksi leksikal purba, peluasan semantik, kontak linguistik

#### ***Abstract***

*This study was conducted to address issues related to understanding the lexical evolution of the ancient Pahang Malay dialect, specifically within the colour domain. In this regard, the researcher unravels the complexities of semantic extension, phonological shifts, and increasingly obscure etymological lineages. To address these complexities, data collection and reconstructive analysis were conducted based on the framework proposed by Crowley and Bowerman (2010) as a guide for the formation of the ancient lexicon. To verify these ancient lexical lineages, the etymological and semantic framework developed by Nothofer (2013) was utilised. The reconstruction of the ancient lexicon was based on synchronic data collected from nine locations along the Pahang River. Field interviews were conducted using a questionnaire containing a list of 400 words to obtain local pronunciations forms. Of the 400 lexical items collected, 10 words belonging to the colour domain were selected for discussion in this paper. The primary findings reveal the existence of a colour lexicon shaped by two main processes, namely internal innovation and external linguistic contact. These processes involve interactions with the Intra-Austronesian, Indo-European, and Persian language families. In addition, certain individual variants*

*were found to preserve the labelling of secondary colour spectra by associating them with primary colours. Most notably and contrary to conventional assumptions, ancient colour lexicons that are genetically affiliated with the Malayic language family were found to encompass colours beyond the basic colour categories. In conclusion, these findings provide clear evidence of the dynamism inherent in the lexicon of the Pahang Malay dialect. This dialect continuously adapts through borrowing, complete inheritance, and root-word modification to create new meanings, thereby fulfilling the need for more refined terminology within the colour spectrum.*

*Keywords: Proto Pahang Malay dialect, lexical evolution, colour lexicon, proto-lexical reconstruction, semantic expansion, linguistic contact*

## **PENDAHULUAN**

Warna berperanan penting dalam pembentukan budaya kognitif sesebuah masyarakat sebagai suatu binaan sosial. Pembentukan budaya kognitif ini mencerminkan cara sesebuah komuniti menanggapi dan mengklasifikasikan warna melalui wahana bahasa, tradisi dan nilai kolektif, bukannya melalui sains semata-mata. Dalam hal ini, Dodykhudoeva dan Ivanov (2021) yang mengkaji komuniti Pamir menggambarkan pertindihan dan peralihan semantik. Hal ini memberikan petunjuk bahawa sempadan warna dalam kerangka budaya kognitif ini bersifat bendalir, serta sering mengalami transformasi budaya dan linguistik yang didorong oleh kontak bahasa, sekali gus mengubah cara masyarakat tersebut memahami dan memaknawikan alam kelilingnya.

Kaitan antara kognisi dengan evolusi bahasa ini sebenarnya merupakan elemen penting yang sering terlepas pandang dalam kajian dialektologi tradisional. Hal ini terbukti apabila penyelidikan terdahulu mengenai dialek Melayu Pahang yang diteliti semula kerap memanfaatkan bidang fonetik dan fonologi sebagai instrumen primer bagi melaksanakan analisis perbandingan antara varian semasa (Asiah Idris, 1989; Collins, 1983b, 1983a; Mohd Tarmizi Hasrah et al., 2014; Muhammad Norsyafiq Zaidi, 2018; Muhammad Norsyafiq Zaidi et al., 2021, 2024; Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, et al., 2025). Perbandingan yang bersifat terpendek sedemikian sekadar menonjolkan ketidaksejajaran dalam realisasi fonetik, namun gagal merungkai hakikat “mengapa” dan “di mana” yang mendasari punca asal usulnya, khususnya dalam konteks linguistik sejarah.

Meskipun fonetik dan fonologi kekal sebagai konsep fundamental yang signifikan dengan menawarkan kemaslahatan praktikal dan klinikal, terutamanya dalam terapi pertuturan dan teknologi (Ohala, 2005), impaknya terhadap bidang linguistik gunaan, seperti etimologi, agak membimbangkan (Fraser, 2011). Oleh itu, kajian ini dirangka untuk menyepadukan pelbagai pendekatan ke arah satu objektif tunggal, iaitu merekonstruksi galur leksikon purba dalam domain warna menerusi tinjauan etimologi yang komprehensif. Hal ini disandarkan pada premis bahawa manusia didedahkan dengan warna seawal kelahirannya dan warna tersebut kemudiannya berkembang daripada rona asas kepada nuansa yang lebih kompleks seiring dengan kematangan kognitif (Maully, 2014).

Aplikasi bersifat bukan ortodoks yang dipraktikkan oleh Muhammad Norsyafiq Zaidi et al. (2025) berupaya menjelaskan kerasionalan di balik penyerapan kata pinjaman asing ke dalam kosa kata fundamental dialek Melayu Pahang. Dengan memanfaatkan teori rekonstruksi dan pemadanan kognat antara keluarga bahasa Austronesia dengan keluarga bahasa asing, pengkaji berhasrat untuk menginterpretasikan asal usul leksikon purba dengan lebih tepat, sekali gus memperkukuh pemahaman terhadap pola dan trajektori peminjaman leksikal. Perbincangan dalam makalah ini dimulakan dengan tinjauan kritis terhadap literatur semasa mengenai dialek Melayu Pahang yang disusuli dengan huraian terperinci mengenai metodologi rekonstruksi yang digunakan untuk merumuskan leksikon purba tersebut.

## **KAJIAN LEPAS**

Penyelidikan dialek Melayu Pahang bermula dengan pemerhatian ad hoc Sturrock (1912) di Pahang Tengah, namun pemerhatian tersebut dikritik kerana kekurangan parameter saintifik dan kecenderungan terhadap sistem ortografi (Collins, 1983b; Mohd Tarmizi Hasrah et al., 2014). Ismail Hussein (1973) kemudian merapatkan jurang ini melalui tinjauan makroskopik di sepanjang lembangan Sungai Pahang dan membuktikan bahawa perubahan linguistik berlaku secara beransur-ansur melalui penemuan ciri kognat antara varian. Kajian yang dianggap sebagai pencetus ini kemudiannya diikuti dengan kajian khusus oleh Collins (1983a, 1983b), Asiah Idris (1989) dan Asmah Haji Omar (2015b) dengan tinjauan terhadap satu-satu kawasan.

Meskipun begitu, pendekatan pencerakinan kelainan penyebutan berdasarkan parameter yang bersifat kedaerahan (baca lanjut dalam Collins (1999) berkaitan dengan sempadan politik) oleh Asmah Haji Omar (2015b)

sering bercanggah dengan kajian mutakhir (Junaini Kasdan et al., 2019; Muhammad Norsyafiq Zaidi et al., 2021). Percanggahan ini berkemungkinan besar berpunca daripada kebergantungannya terhadap data sekunder yang dipungut oleh pelajar peringkat prasiswazah menerusi latihan ilmiah. Perkara ini menyebabkan data yang direkodkan lebih menyerupai bahasa Melayu standard dan mengabaikan pemboleh ubah topografi yang kompleks, seperti sungai dan persisiran pantai, sekali gus menimbulkan persoalan yang serius mengenai tahap kredibiliti dan penentuan metodologi kajian berkenaan.

Bagi mengatasi kelemahan metodologi dan pengabaian topografi tersebut, kajian susulan mula memberikan tumpuan yang lebih empirikal dan terfokus. Kajian oleh Shahidi A. Hamid. (2018) misalnya, membuktikan bahawa realisasi fonetik dan ciri ketulenan sesuatu dialek tidak bersifat statik, sebaliknya amat dipengaruhi oleh elemen topografi. Pengkaji tersebut mendapati kewujudan pola perubahan ujaran yang ketara merentasi sungai. Misalnya, penutur di kawasan hulu didapati cenderung untuk menukarkan bunyi nasal pada akhir kata kepada bunyi plosif tak bersuara, manakala ciri plosif tersebut makin mencair dan kembali diujarkan sebagai bunyi nasal, terutamanya bagi masyarakat penutur di kawasan hilir sungai.

Turut mengambil landasan metodologi yang bersandarkan elemen topografi, Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2013) meninjau aspek inovasi dan retensi vokal di sepanjang kawasan hulu Sungai Tembeling. Walaupun kajian ini berjaya memetakan variasi bunyi dengan baiknya, skop penganalisisannya mirip dengan pendekatan kajian Shahidi A. Hamid. (2018) yang hanya menumpukan kerangka fonem segmental semata-mata. Pengecilan skop ini secara tidak langsung menyisihkan elemen yang sama timbang taranya, iaitu sejarah evolusi makna dan pengembangan kosa kata masyarakat penutur di kawasan topografi berkenaan.

Kecenderungan yang bersifat spesifik terhadap analisis fonologi berbanding dengan evolusi kosa kata ini terus diwarisi oleh pengkaji seterusnya. Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2014) dan Muhammad Norsyafiq Zaidi et al. (2021, 2025) meninjau ciri fonologi purba dialek Melayu di kawasan hulu Sungai Pahang dan lembangan tengah Sungai Pahang. Walau bagaimanapun, tumpuan yang terlalu halus terhadap unit fonem menyebabkan wujudnya kelompangan dalam aspek semantik dan etimologi leksikal berkenaan.

Pengaplikasian rentas bidang dengan menggabungkan analisis linguistik dan bukan linguistik dengan mengintegrasikan teknologi sistem maklumat geografi (GIS) membolehkan taburan kelainan sebutan dapat dipaparkan dengan lebih tuntas, khususnya di kawasan Pekan (Khairul Ashraaf Saari

et al., 2022). Namun begitu, tinjauannya lebih tertumpu pada unsur fonologi yang spesifik dan terhad, iaitu kehadiran vokal /a/ yang diikuti oleh konsonan nasal /m/ dan /n/ pada suku kata akhir.

Selain tinjauan berteraskan fonologi dan GIS, dialek Melayu Sungai Pahang, khususnya di Pekan, turut diteliti dari lensa sosiolinguistik. Dalam hal ini, Marlyna Maros (2010) meninjau fenomena peralihan dan pengekalan dialek tersebut dengan memfokuskan modenisasi, migrasi dan pertembungan bahasa. Walaupun kajian ini menggunakan data leksikal dan kerangka jaringan sosial (Milroy, 1980) untuk menjelaskan asimilasi penutur dengan variasi dialek luar atau bahasa Melayu standard, skop perbincangannya secara eksklusif tertumpu pada pola kelangsungan hidup dialek akibat tekanan demografi. Hal ini membuktikan bahawa walaupun wujud kepelbagaian perspektif dalam literatur dialek Melayu Pahang, kajian sedia ada masih meminggirkan satu lompong yang ketara, iaitu bahasa hanya dilihat sebagai alat interaksi sosial atau unit bunyi semata-mata tanpa merungkai susur galur atau etimologi leksikon tersebut.

Bagi mengisi lompong tersebut, kajian ini mengintegrasikan teori rekonstruksi dengan aplikasi etimologi khusus bagi domain warna. Pendekatan bukan ortodoks digunakan menerusi penilaian keseluruhan leksikon tanpa menapis kata akar bahasa bukan Austronesia bagi memastikan evolusi dialek dapat difahami secara holistik melangkaui sekadar perubahan bunyi.

## METODOLOGI

Kajian kualitatif ini menerapkan pendekatan dwicabang, iaitu penyelidikan kepustakaan dan kerja lapangan. Tinjauan literatur disintesis daripada pangkalan data primer (Scopus dan WoS) dan literatur kelabu (monograf, prosiding dan latihan akademik) bagi menjamin perspektif yang renik dan bebas daripada kebergantungan terhadap pangkalan data tunggal. Selain itu, bagi tujuan penganalisan data dan pengabsahan susur galur leksikal purba pula, kajian ini turut memanfaatkan pangkalan data raya. Antara sumber utama yang dijadikan panduan termasuklah *Austronesian Comparative Dictionary* (Blust & Trussel, 2023), *A Mon-Khmer Comparative Dictionary* oleh Shorto (2006), *Tai-Kadai Etymology* oleh Starostin (2003), korpus SEAlang (t.t) dan *A Malay-English Dictionary: Romanised* hasil penyusunan Wilkinson (1932).

Sembilan lokasi di sepanjang lembangan Sungai Pahang (merentasi daerah Pekan, Maran, Temerloh, Jerantut dan Lipis) dipilih sebagai kawasan kajian. Bagi mengekalkan sungai sebagai pemboleh ubah terkawal, setiap tapak kajian terletak dalam radius 500 meter dari tebing sungai dengan jarak

di antara lokasi antara 50 kilometer hingga 80 kilometer. Antara lokasi yang dipilih termasuklah Tanjung Batu (BT), Mambang (MBA), Lubuk Paku (LP), Bangau Tanjung (BT), Kuala Bera (KB), Bukit Nikmat (BNT), Mela (MLA), Binjai (BNJ) dan Kuala Medang (KMD).

Pemilihan informan dihadkan pada hanya seorang individu bagi setiap lokasi (Asmah Omar, 2015a; Ayatrohaedi, 1979). Satu pendekatan konservatif telah diambil berkaitan dengan julat umur informan, iaitu dengan mengehadrkannya antara 55 tahun hingga 80 tahun (Chambers & Trudgill, 2004), meskipun terdapat metodologi mutakhir yang menggunakan data dialek daripada penutur yang jauh lebih muda ( $\pm 20$  tahun) (Ogloblin, 2018). Hasilnya, sembilan informan dipilih berdasarkan lokasi kajian yang disenarai pendek.

Pelbagai kaedah pengumpulan data dilaksanakan dengan menggunakan teknik, seperti temu bual, penyoalan terpancing, teka-teki dan transliterasi bentuk bunyi menggunakan simbol fonetik (Asmah Omar, 2015a; Mejia de la Pava & Manessi, 2024). Selain itu, informan turut diminta untuk mempersembahkan urutan penceritaan terpilih bagi membolehkan pengkaji memerhatikan tuturan autentik (Wallis & Westerveld, 2024). Bagi memastikan pembinaan korpus mencerminkan profil terkini dialek Melayu Pahang, fasa pengumpulan data lapangan dilakukan pada tahun 2023 yang merangkumi jajaran lokasi dari Pekan hingga Kuala Lipis. Sebaik-baik sahaja pengumpulan data lapangan selesai, fasa seterusnya melibatkan pelaksanaan analisis rekonstruksi.

## **Rekonstruksi**

Sebelum diperincikan fasa pelaksanaan analisis, konsep “penyelidikan purba” atau pembinaan leksikon “purba” yang mendasari kajian ini perlu ditakrifkan secara tuntas. Dalam disiplin linguistik sejarah, istilah “proto” (purba) tidak merujuk penemuan artifak atau teks kuno, sebaliknya merujuk bahasa atau leksikon leluhur berstatus hipotesis yang dibina semula secara deduktif. Pendekatan penyelidikan purba ini menuntut pengkaji untuk mengaplikasikan kaedah perbandingan secara sistematik terhadap kognat daripada pelbagai varian dialek sinkronik moden. Melalui unjuran ke belakang ini, kajian ini berupaya untuk menzahirkan bentuk akar yang ditandai simbol asterisk (contohnya, \*biyu), yang merepresentasikan statusnya sebagai satu entiti teoretikal dan rekonstruksi munasabah bagi dialek Melayu Pahang pada satu garis masa yang lalu.

Bagi menzahirkan bentuk proto atau purba tersebut, kajian ini bersandarkan prosedur yang ditetapkan oleh Crowley dan Bowern (2010) yang menetapkan empat fasa awalan sebelum pelaksanaan rekonstruksi

leksikon purba. Pertama, data harus melalui proses penyaringan untuk menyingkirkan unsur asing (kata pinjaman), onomatopia dan keserupaan kebetulan atau kognat palsu. Walau bagaimanapun, memandangkan fokus khusus kajian ini, kriteria awal, iaitu pengecualian unsur asing (kata pinjaman) diketepikan. Sehubungan dengan itu, hanya onomatopia dan keserupaan kebetulan yang disingkirkan. Seterusnya, atas premis bahawa leksikon ini telah dimurnikan, pengkaji beralih kepada fasa kedua, iaitu penyusunan set data dalam set kesepadanan bunyi seperti yang diilustrasikan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Set kesepadanan bunyi bagi glos biras.

	<b>Varian A</b>		<b>Varian B</b>		<b>Varian C</b>		<b>Varian D</b>	
/	b	:	b	:	b	:	b	/
/	i	:	i	:	i	:	i	/
/	ɣ	:	ɣ	:	ɣ	:	ɸ	/
/	ɛ	:	ɐ	:	ɐ	:	ɛ	/
/	h	:	h	:	x	:	h	/

Nota: Simbol // dalam jadual ini digunakan sebagai pembatas bagi merujuk satu set kesepadanan bunyi yang lengkap merentas varian A, B, C dan D.

Analisis dilakukan secara mendatar merentas set kesepadanan bunyi (Varian A-D) berdasarkan Jadual 1. Prosedur ini melibatkan dua tahap utama, iaitu:

1. Kesepadanan konsisten: Bagi set yang tidak menunjukkan variasi, seperti /b:b:b/b/ dan /i:i:i/i/, fonem direkonstruksi terus sebagai \*-b dan \*-i-. Hal ini menunjukkan pengekalan ciri asal plosif bilabial dan vokal depan tinggi pada glos biras.
2. Kesepadanan bervariasi: Apabila wujud perbezaan fonetik (contohnya /ɣ/ lawan /ɸ/), prinsip majoriti menang (Campbell, 2020) diaplikasikan. Pengkaji mengenal pasti fonem yang paling dominan yang merentas varian untuk menentukan bentuk purba yang paling munasabah.

Prosedur ini diteruskan secara sistematik bagi setiap segmen bunyi sehingga keseluruhan glos berjaya direkonstruksi sepenuhnya.

## **Etimologi**

Sebelum analisis etimologi dilakukan terhadap data kajian, kerangka kerja Nothofer (2013) yang mendasari tinjauan ini wajar diperincikan terlebih dahulu. Secara prinsipnya, kerangka etimologi Nothofer memfokuskan pengesanan susur galur sesuatu leksikal melalui kaedah linguistik sejarah. Pendekatan ini membolehkan pengkaji membezakan, sama ada sesuatu kosa kata itu merupakan pengejalan daripada bahasa purba, terhasil daripada inovasi dalaman atau wujud akibat daripada kontak bahasa. Selain memetakan padanan dan perubahan fonologi, kerangka Nothofer (2013) turut menekankan pemerhatian terhadap trajektori evolusi makna, seperti proses penyempitan atau peluasan semantik seiring dengan peredaran masa dan pertembungan budaya. Dengan berdasarkan asas kerangka inilah, galur leksikal dalam dialek Melayu Pahang purba dinilai secara sistematik.

Analisis etimologi terhadap leksikon “semut” contohnya, mendedahkan pengaruh substrat bahasa Austroasiatik yang signifikan apabila leksikon ini dikenal pasti sebagai pinjaman daripada bahasa Khmer purba melalui padanan fonetik \*smoc (Shorto, 2006). Proses adaptasi ini melibatkan mekanisme peluasan fonologi menerusi penyisipan vokal e-pepet bagi mematuhi kekangan fonotaktik bahasa Melayik yang tidak mengizinkan gugusan konsonan dalam satu suku kata. Proses ini sekali gus mengubah bentuk suku kata tunggal asal kepada struktur dwisuku kata. Selain itu, ketiadaan ciri letusan pada posisi akhir dalam sistem bunyi bahasa Melayik menyebabkan fonem \*c direalisasikan sebagai plosif [t] berdasarkan kesamaan titik artikulasi dan ciri realisasinya. Trajektori ini berbeza secara drastik daripada keluarga bahasa Tai-Kadai yang menzahirkan penyempitan fonologi dengan menyingkirkan konsonan awal /s-/ sehingga menghasilkan bentuk \*mot.

Beralih daripada dimensi bunyi kepada evolusi makna, konsep penyempitan semantik dapat diperhalusi menerusi sejarah leksikon “ayam” berlandaskan kerangka kerja Nothofer (2013). Pada peringkat bahasa Austronesia purba (PAN), etimon \*qayam dikesan sebagai kata sifat yang membawa pengertian generik dijinakkan atau peliharaan (Blust & Trussel 2023), tanpa merujuk entiti biologi yang spesifik. Seiring dengan evolusi diakronik, makna ini mengalami pengkhususan dalam binaan bahasa Melayik purba (MP) menjadi \*hayam yang mula berfungsi sebagai kata nama bagi merujuk kategori binatang yang telah dijinakkan secara umum. Transformasi ini menggambarkan cara fungsi leksikal berubah daripada pemerian sifat yang luas kepada pengenalpastian entiti material dalam ekosistem masyarakat

penutur yang merupakan fasa awal bagi pengkhususan rujukan yang lebih spesifik.

Tahap penyempitan yang lebih mikro dikesan dalam rekonstruksi bahasa Pahang purba (Muhammad Norsyafiq Zaidi, 2026) apabila leksikon \*hayam diterbitkan sebagai \*ayam dengan rujukan yang sangat spesifik terhadap spesies unggas tertentu. Proses ini membuktikan bahawa trajektori semantik sering bergerak daripada domain yang abstrak kepada rujukan yang konkrit bagi memenuhi keperluan taksonomi budaya masyarakat setempat.


Dalam konteks kajian ini, konsep “akar semantik” merujuk makna fundamental atau rujukan asal sesuatu leksikon purba sebelum mengalami proses anjakan, peluasan atau penyempitan makna akibat kontak budaya dan sekitaran. Melalui kerangka Nothofer (2013), akar semantik ini ditelusuri bukan sekadar terhadap struktur bunyi (etimon), tetapi konsep kognitif awal yang mendasarinya (misalnya, peralihan akar semantik sifat umum dijinakkan kepada entiti spesifik “ayam”). Pemahaman terhadap akar semantik ini membolehkan evolusi pengkategorian warna dalam dialek Melayu Pahang dipetakan secara holistik.

Bagi mengabsahkan dapatan susur galur kata purba ini, pengkaji menggunakan pangkalan data raya yang diterangkan dalam bahagian metodologi. Integrasi antara sumber data ini dengan analisis peluasan fonologi dan penyempitan semantik dipetakan dalam Rajah 1.

Kesimpulannya, analisis ini menunjukkan bahawa perkembangan makna dalam dialek Melayu Pahang didorong oleh peluasan bunyi bagi mematuhi struktur bahasa dan penyempitan makna untuk rujukan yang lebih tepat. Gabungan adaptasi bunyi dan makna ini yang disahkan melalui data perbandingan menggambarkan kebijaksanaan masyarakat penutur untuk menyesuaikan unsur purba mengikut acuan budaya setempat.

## **DAPATAN KAJIAN**

Penentuan setiap leksikal purba dalam bahagian ini dilakukan secara konsisten berlandaskan prinsip kesepadanan bunyi dan prinsip majoriti menang sebagaimana yang diterangkan dalam bahagian Metodologi (Rujuk Jadual 1). Sebagai kerangka asas perbincangan, Dodykhudoeva dan Ivanov (2021) mengkaji enam domain warna utama dalam bahasa Pamir (merah, kuning, hijau, biru tua, ungu dan kelabu) dan tiga spektrum tambahan di luar norma konvensional. Dengan mengadaptasi pendekatan tersebut, kajian ini mengetengahkan kosa kata asas harian masyarakat



**Rajah 1** Trajektori evolusi dan peralihan fungsi semantik.

**Jadual 2** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “merah”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
merah	TB, LP; [meyoh] MBA, BT, KB, BNT; [meyoh] BNJ, KMD; [meʔoh] MLA ø	*meyeh

Pahang merentasi sembilan lokasi kajian yang dimulakan dengan istilah “merah” seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 memaparkan variasi fonetik bagi glos “merah”. Melalui penelitian yang lebih rapi, glos ini direalisasikan dalam tiga bentuk yang jelas, iaitu variasi antara [ɣ] dengan [ʁ] pada suku kata kedua, variasi antara [o] dengan [ɔ] pada nukleus suku kata kedua dan variasi antara [-yo-] dan [-yɔ-] pada suku kata kedua tersebut. Meskipun wujud tiga variasi bagi glos “merah” ini, pengkaji berupaya untuk merekonstruksi bentuk tersebut sebagai \*meyeh.

*A Malay-English Dictionary: Romanised* (1932) menggunakan label “Peninsular Malay” bagi menunjukkan bahawa glos “merah” berasal dari wilayah Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, glos ini berkemungkinan besar tidak berasal secara eksklusif dari wilayah tersebut semata-mata kerana apabila merujuk Blust dan Trussel (2023), glos “merah” dikesan berasal daripada keluarga bahasa Malayo-Polinesia purba. Tahap ini merupakan peringkat asas bagi komuniti Melayik di seluruh Malaysia, Indonesia, Filipina, Madagascar, sehinggalah menjangkau ke Kepulauan Pasifik.

Blust dan Trussel (2023) membuktikan bahawa data yang diperoleh memiliki kesepadanan semantik dan formal dengan komuniti penutur di wilayah berkenaan. Sebagai contoh, glos tersebut direalisasikan sebagai [mirah] (komuniti Iban), [mriah] (Jarai), [melak] (Moken), [mirah] (Jawa Kuno), [mirah] (Bali), [mirah] (Sasak) dan [meha] (Popalia) (Blust & Trussel, 2023). Kepadanan ini menunjukkan bahawa \*meyeh yang direkonstruksi dalam kajian ini mempunyai kaitan yang erat dengan ciri peribumi bahasa Malayo-Polinesia purba.

Selain warna merah, pengkaji turut meminta informan untuk menuturkan realisasi tempatan bagi glos “biru”. Hasil realisasi ini dapat diperhatikan dengan lebih terperinci dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “biru”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
biru	TB, LP, BT, KB, BNT; [biyu] BNJ, KMD; [biɤu] MBA, MLA ø	*biyu

Jadual 3 memperincikan taburan fonetik glos “biru” yang mempamerkan dua realisasi utama, iaitu [biyu] dan [biɤu], melalui kontras antara frikatif velar bersuara [ɣ] dengan frikatif uvular [ɣ̤]. Dengan mengambil kira dominasi [ɣ], pendekatan majoriti menang (Campbell, 2020) menatijahkan hipotesis rekonstruksi [biyu]. Dari sudut etimologi, wujud dua etimon homofon dalam bahasa Austronesia purba (PAN), iaitu \*biru (warna) dan \*biRu (palas).

Walau bagaimanapun, istilah ini terbukti bukan bahasa Mon-Khmer asli kerana varian lain, seperti halang [drih] dan katu [baluk] menggunakan leksikon yang berbeza, sekali gus menandakan statusnya sebagai kata pinjaman. Sebaliknya, bukti konsisten daripada galur bahasa Austronesia (Dempwolff, seperti yang dinyatakan dalam Blust dan Trussel, 2023) dan taburan meluas kognatnya dalam bahasa, seperti Iban, Sunda dan Jawa, mengukuhkan status biru sebagai warisan asli PAN dan PMP. Oleh itu, [biyu] dalam dialek Melayu Pahang purba merupakan retensi leksikon warna bahasa Austronesia yang mengalami inovasi fonologi r > ɣ.

Seterusnya, perbincangan diteruskan kepada warna kuning, iaitu warna yang kerap ditemukan dalam flora dan fauna, serta mempunyai resonansi yang mendalam di Alam Melayu. Sehubungan dengan itu, pelbagai peribahasa dan simpulan bahasa yang menggunakan item leksikal ini diwujudkan bagi mencerminkan tatasusila dan falsafah sejarah masyarakat Melayu. Variasi bagi glos ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “kuning”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
kuning	TB, LP, BT, KMD; [kunɛ̃] MBA; [kuneɛ̃] KB, BNT; [kunɛ̃] MLA; [kunĩ] BNJ; [kuneɲ]	*kune

Jadual 4 mengilustrasikan taburan realisasi alternatif yang berkaitan dengan glos “kuning”. Glos yang ditemukan dalam peribahasa Melayu "kuning oleh kunyit, hitam oleh arang" mempunyai definisi yang berbeza

ketidakstabilan ciri dialek Melayu Pahang. Hal ini dibuktikan melalui fakta bahawa ciri [kunẽ] ditemukan di kawasan hilir Sungai Pahang, diselang-seli dengan realisasi alternatif, seperti [kunẽ̃], [kuneẽ], [kunĩ] dan [kuneŋ], sebelum kembali kepada [kunẽ] di kawasan hulu. Keadaan ini tidak mengikuti satu jujukan linear seperti spektrum warna yang bermula dengan merah dan diakhiri dengan ungu, sebaliknya dalam kes ini, warna kuning dilihat kembali kepada ciri asalnya di hilir sungai.

Dengan berdasarkan realisasi alternatif yang dikumpulkan di sepanjang Sungai Pahang, pengkaji berjaya merekonstruksi ciri asal yang dihipotesiskan sebagai warisan daripada dialek Melayu Sungai Pahang purba. \*kune merupakan leksikon purba yang terbentuk pada peringkat bahasa Melayu Sungai Pahang, namun asal warna ini daripada galur bahasa Austronesia menjadi persoalan. Blust dan Trussel (2023) menegaskan asal usul bahasa Melayiknya, seterusnya mencadangkan kemungkinan kewujudan korelasi \*kune dengan leksikal purba \*kunij yang direkonstruksi di bawah bahasa Malayo-Polinesia purba, walaupun \*kunij secara khusus merujuk kunyit.

Adelaar (1992, hlm. 142) menyatakan bahawa kuning dan kunyit berkongsi persamaan fonetik yang direkonstruksi sebagai \*kunit. Menurut Aichele seperti yang dinyatakan dalam Adelaar (1992), istilah “kuning” yang dikaitkan oleh Blust dan Trussel (2023) dengan bahasa Melayu kini dihubungkan dengan bahasa Karo kerana hentian akhir pada posisi tersebut direalisasikan sebagai konsonan sengau. Oleh itu, derivasi \*kunij > kunij ialah simbolik ciri linguistik bahasa Karo. Perdebatan ini berterusan sementara para sarjana menelusuri salasilah tepatnya. Secara umum, dapat difahami bahawa proses evolusi mengikuti trajektori \*kunij > kunij > \*kune dalam dialek Melayu Pahang.

Hal yang sama berlaku pada warna hijau yang mempamerkan simbiosis yang mendalam dengan alam sekitaran. Banyak objek yang dapat dilabelkan dengan warna ini, termasuklah wang kertas lima ringgit Malaysia pada masa ini. Walau bagaimanapun, dalam konteks dialek Melayu Sungai Pahang, realisasinya berbeza daripada bahasa Melayu standard. Perbincangan ini diteruskan dengan data dalam Jadual 5.

**Jadual 5** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “hijau”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
hijau	TB, MBA, LP, BT, BNJ; [idʒẽ̃] KB, BNT, MLA, KMD; [idʒĩ̃]	*idʒe

Jadual 5 memaparkan ketidakstabilan dialek yang dicatat oleh Ismail Hussein (1973) yang menunjukkan BNJ menjajari ciri hilir [idʒɛ̃] berbanding dengan jangkakan [idʒɔ̃]. Namun begitu, bentuk \*idʒɛ̃ tetap direkonstruksi memandangkan pengguguran [h] ialah fenomena lazim di lembangan ini (Mohd Tarmizi Hasrah et al., 2014; Muhammad Norsyafiq Zaidi et al., 2021, 2024). Vokal [ɛ̃] dipilih berbanding dengan [ɔ̃] kerana taburannya lebih meluas dan bebas posisi sebagaimana yang diperincikan oleh Muhammad Norsyafiq Zaidi et al. (2025).

Apabila konteks yang lebih luas ditinjau, timbul persoalan mengenai punca asal usul kata ini. Jika dirujuk data daripada keluarga bahasa Mon-Khmer, khususnya bahasa Semelai dan bahasa Jahai, kedua-duanya memanfaatkan kosa kata “hijau” sebagai representasi simbolik bagi warna semula jadi (Burenhult, 2005; Kruspe, 2004). Walau bagaimanapun, Means (1998) mencatatkan bahawa subkeluarga bahasa peribumi Mon-Khmer yang setara, iaitu bahasa Temiar, menggunakan [ʔalɔ:i] yang berkognat dengan bahasa Semai dan bahasa Kensiu. Tambahan pula, leksikon purba bahasa Mon-Khmer tidak bersifat kognat kerana Shorto (2006, hlm. 416) merekonstruksi istilah tersebut sebagai \*tʔiir dan \*tʔer.

Perhatian kini dialihkan kepada subkeluarga bahasa Malayo-Polinesia barat yang menunjukkan bahawa kebanyakan bahasa di bawah cabang ini mempamerkan tahap kognat yang tinggi. Sebagai contoh, bahasa Melayu menggunakan [hidʒaw] dan Tagalog menggunakan [hiraw], disusuli oleh kehilangan frikatif pada posisi awal kata dalam bahasa Iban [idʒaw]. Terdapat juga proses pemonoftongan bagi akhiran [aw] dalam bahasa Batak Toba [idʒo], bahasa Sasak [edʒo], bahasa Sangir [ido], bahasa Bugis [ijo] dan bahasa Manggarai [ijo]. Dengan berdasarkan keseragaman bentuk fonetik yang merentasi cabang bahasa Malayo-Polinesia barat ini, dapat disimpulkan bahawa \*idʒɛ̃ sememangnya berasal daripada galur Austronesia.

Warna hitam membawa konotasi yang rencam dalam budaya Melayu yang merangkumi spektrum makna daripada negatif hingga positif. Pada satu sisi, peribahasa “hitam gagak tiada siapa yang mencelupnya” menggambarkan warna ini sebagai elemen yang kurang disenangi secara intrinsik. Namun demikian, pada sisi lain, ungkapan, seperti “hitam-hitam tahi minyak dimakan juga, putih-putih hampas kelapa dibuang” atau “hitam-hitam gula jawa” mengangkat sifat gelap tersebut sebagai sesuatu yang bernilai tinggi. Dengan melangkaui perbincangan semantik dan kognitif ini, fokus utama kajian beralih kepada aspek linguistik, iaitu

keupayaan item leksikal “hitam” ini mempamerkan kestabilan atau variasi fonetik apabila dituturkan merentasi dialek Melayu Pahang. Perincian analisis perbandingan ini dipaparkan dalam Jadual 6.

**Jadual 6** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “hitam”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
hitam	TB, MBA, LP, KB, BNT, MLA, BNJ, KMD; [itɛ] BT; [it:ɐ]	*ite

Jadual 6 memaparkan dua kumpulan variasi fonetik bagi glos “hitam”. Satu kumpulan menuturkan glos tersebut sebagai [itɛ], manakala kumpulan yang lain menyatakannya sebagai [it:ɐ]. Pencapaian yang signifikan terletak pada geminasi, iaitu pemanjangan konsonan [t]. Oleh sebab ciri sekunder ini tidak mengubah makna fundamental bagi “hitam”, pengkaji merekonstruksi glos tersebut sebagai \*ite berikutan tahap keseragaman yang tinggi merentasi varian.

Status \*ite sebagai turunan bahasa Austronesia disokong oleh hubungannya dengan bahasa Sunda (Wilkinson, 1932) dan persamaan kognat “hirang” dan “ireng” (Adelaar, 1992). Bukti rekonstruksi bahasa Austronesia purba \*qeCeŋeN dan bahasa Malayo-Polinesia purba (ma)qitem (Blust & Trussel, 2023) berserta bahasa Melayik purba \*hitəm (Adelaar, 1992) mengesahkan statusnya sebagai leksikon asli yang mengalami pengguguran konsonan awal dan konsonan akhir.

Seterusnya, pengkaji beralih kepada warna yang dianggap suci disebabkan oleh kekerapan kemunculannya dalam perumpamaan tradisional. “Kanak-kanak kecil sering diibaratkan sebagai kain putih” mengimplikasikan bahawa ibu bapa bertanggungjawab dalam penentuan corak akhirnya. Metafora ini menetapkan putih sebagai elemen kesucian yang berkait rapat dengan pembentukan sahsiah. Cara warna putih dimanifestasikan dalam dialek Melayu Sungai Pahang dipaparkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “putih”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
putih	TB, MBA, LP, BT, KB, BNT, MLA, BNJ, KMD; [putɛh]	*putih

Jadual 7 memperincikan tahap keseragaman yang tinggi bagi kata “putih” yang menunjukkan bahawa warna ini direalisasikan sebagai [puteh] merentasi wilayah yang menjangkau dari Pekan hingga Lipis. Proses rekonstruksi daripada [puteh] kepada [putih] melibatkan difusi [-e-] kepada [-i-]. Hal ini disandarkan pada kekerapan keberadaan [e] yang terhad pada posisi lain, khususnya sebagai nukleus dan statusnya sebagai suatu bentuk penggantian alofon. Bukti fonetik ini membolehkan pengkaji meneruskan fasa analisis seterusnya dengan lancarnya.

Persoalan primer yang memerlukan analisis tuntas ialah susur galur etimologi \*putih, khususnya, sama ada “putih” merupakan warisan asli bahasa Austronesia atau kata pinjaman daripada keluarga bahasa asing, seperti bahasa Mon-Khmer yang berjiran dengan kelompok bahasa Austronesia.

Istilah “putih” dikongsi secara meluas dalam subkeluarga bahasa Melayik (Adelaar, 1992, hlm. 47) melalui bentuk fonetik yang serupa, seperti bahasa Minangkabau [putieh], bahasa Serawai [potieh] dan bahasa Melayu Jakarta [puti], manakala bahasa Iban menggunakan realisasi [burak]. Shorto (2006) membuktikan ketiadaan keserupaan struktur antara “putih” dengan padanan dalam keluarga bahasa Austroasiatik (seperti kboo atau klang), yang mengesahkan bahawa kosa kata dalam dialek Melayu Pahang ini merupakan warisan langsung daripada bahasa Melayik purba.

Apabila merujuk binaan linguistik peringkat lebih tinggi, bahasa Malayo-Polinesia purba memiliki bentuk \*putiq bagi merujuk spektrum warna khusus ini (Blust dan Trussel, 2023). Tuntasnya, \*putih dihipotesiskan sebagai milik asli subkeluarga bahasa Austronesia, bukannya kata pinjaman daripada mana-mana keluarga bahasa lain, setelah diwarisi secara teratur daripada bahasa Melayik purba.

Kata “jingga” pada dasarnya merupakan suatu manifestasi warna kuning yang mengalami penuaan atau penggelapan yang ditanggapi. Warna ini sedikit lebih gelap berbanding dengan warna kuning. Oleh itu, masyarakat Melayu secara tradisional merujuk jingga sebagai warna kuning. Realisasi fonetik spesifik yang digunakan oleh komuniti Melayu Pahang ditunjukkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “jingga”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
jingga	TB, LP, BT, KB, BNT, MLA, BNJ, KMD; [dʒiŋgə] MBA; [dʒiŋə]	*dʒiŋgə

Taburan glos “jingga” sebagaimana yang diperincikan dalam Jadual 8 mempamerkan satu dikotomi fonologi antara kumpulan varian majoriti dengan kumpulan varian minoriti. Kumpulan majoriti mengekalkan realisasi [dʒiŋgə], manakala kumpulan minoriti mempamerkan inovasi fonologi menerusi bentuk [dʒiŋgə].


Perbezaan signifikan antara kedua-dua varian ini terletak pada fenomena pengguguran konsonan nasal velar [ŋ] dalam gugusan homorganik /ŋg/. Oleh sebab retensi ciri nasal [ŋ] lebih dominan baik dari segi kuantitatif mahupun tipologi, dapat diandaikan bahawa bentuk purba mengandungi gugusan nasal tersebut sebelum bentuk tersebut mengalami proses pemudahan dalam varian minoriti (MBA).

Pertimbangan fonologi selanjutnya melibatkan rekonstruksi vokal akhir kata. Vokal tengah [ə] yang hadir pada posisi akhir [dʒi(ŋ)gə] diinterpretasi sebagai refleks terhadap vokal tengah hampir terbuka \*ɐ. Hal ini selaras dengan konsensus dialektologi (Asmah Omar, 2015a; Ismail Hussein, 1973) yang mengesahkan bahawa dalam dialek Melayu selatan Semenanjung Tanah Melayu, vokal [ə] berfungsi sebagai alofon bagi vokal purba \*a. Dengan berdasarkan bukti fonetik ini, leksikon purba bagi dialek Melayu Pahang direkonstruksi sebagai \*dʒiŋgə.

Mengenai galur “jingga”, istilah ini tidak berasal, baik daripada bahasa Sanskrit mahupun bahasa Mon-Khmer. Walaupun banyak kata pinjaman dalam dialek Melayu Pahang berasal daripada bahasa Sanskrit atau bahasa Mon-Khmer (Muhammad Norsyafiq Zaidi et al., 2025), sumber bagi kata “jingga” berbeza kerana sumber ini berkait rapat dengan hubungan antara masyarakat Melayu dengan pedagang asing yang belayar ke wilayah ini untuk tujuan perdagangan. Kehadiran istilah “jingga” dikenal pasti dalam teks sastera Melayu klasik, seperti *Hikayat Si Miskin* yang membuktikan penyerapannya yang telah lama kukuh dalam bahasa Melayu yang kemungkinan besar berlaku pada era kontak intensif dengan dunia Parsi dan Arab (Sabariah Sulaiman et al., 2019).

Tinjauan rentas linguistik terhadap kedua-dua keluarga bahasa ini mengindikasikan bahawa “jingga” merupakan kata pinjaman daripada bahasa Parsi, khususnya zang (گنز), yang bermaksud karat. Proses penyerapan ini melibatkan dua peringkat adaptasi yang berbeza sebagaimana yang diilustrasikan dalam Rajah 2.

Rajah 2 mengilustrasikan proses transformasi daripada “zang” kepada “jingga”. Peralihan semantik berfungsi sebagai kunci utama dalam konteks ini. Oleh sebab bahasa Melayu mempunyai kata khusus bagi merujuk



**Rajah 2** Konsep anjakan kosa kata “jingga” dalam bahasa Melayu.

“karat”, kata pinjaman bahasa Parsi ini tidak diambil untuk menandakan bahan itu sendiri, sebaliknya kata ini dipinjam bagi mengisi lompong leksikal yang berkaitan dengan ciri warna spesifik bahan tersebut. Karat besi, sebagai tamsilan, memiliki rona yang dapat ditanggapi sebagai warna jingga yang sangat jelas. Natijahnya, istilah “jingga” muncul bagi mewakili warna yang menyerupai karat tersebut.

Kedua, item leksikal ini mengalami adaptasi fonologi. Proses tersebut bermula apabila “zang”, yang disebut sebagai /zæŋg/, melalui modifikasi sistematik agar selari dengan fonotaktik bahasa Melayu. Frikatif /z/ merupakan konsonan bukan peribumi dalam bahasa Melayu (Deterding et al., 2022). Bunyi asing ini dilaraskan kepada afrikat /dʒ/, iaitu bunyi ‘j’. Meskipun bahasa Melayu standard lazimnya mengekalkan fonem /z/ dalam kata pinjaman Parsi-Arab, seperti “zakat” dan “ziarah”, kata “jingga” merupakan kes terpencil yang menunjukkan adaptasi kepada /dʒ/. Fenomena ini lebih kerap dikesan pada peringkat dialek, misalnya adaptasi /z/ kepada /l/ dalam kata “zohor” yang menjadi [loho] dalam dialek Melayu Kedah. Pada masa yang sama, vokal bahasa Parsi /æ/ beralih kepada vokal depan /i/.

Perubahan struktur yang paling ketara berlaku pada peringkat suku kata, iaitu bentuk ekasuku kata asal [zæŋg] dikembangkan menjadi bentuk dwisuku kata, [dʒiŋgə]. Perubahan ini dicapai menerusi proses yang dikenali sebagai paragog sebagaimana yang dibincangkan oleh Crowley dan Bown (2010), yang melibatkan penambahan vokal pada akhir kata demi memenuhi keperluan struktur dwisuku kata dalam leksikon bahasa Melayu.

Seterusnya, Jadual 9 memaparkan taburan bagi glos “ungu”. Hal yang paling signifikan ialah item leksikal ini ditemukan wujud secara universal merentasi semua varian yang dikaji. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “ungu”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
ungu	TB, MBA, LP, BT, KB, BNT, MLA, BNJ; [uŋũ] KMD; [uŋgũ]	*uŋu

Jadual 9 membezakan varian konservatif dominan [uŋũ] daripada inovasi epentesis [uŋgũ] yang melibatkan penyisipan plosif [g]. Dengan berdasarkan taburan ini, leksikon purba direkonstruksi sebagai \*uŋu dengan menolak gugusan konsonan sekunder tersebut.

Ketiadaan istilah “ungu” dalam Austronesian Comparative Dictionary (Blust & Trussel 2023) membolehkan leksikon ini dicadangkan sebagai hasil peminjaman dialek keluarga bahasa Intra-Austronesia. Wilkinson (1932) mengaitkan asal usul “wungu” dengan bahasa Jawa dan pandangan ini disokong kuat oleh analisis Nothofer (1975). Kajian beliau membuktikan bahawa akar bahasa Melayu-Jawa purba \*buŋuR merujuk *Lagerstroemia speciosa* yang memiliki bunga berwarna ungu.

Akar \*buŋuR berkembang menjadi [buŋur] dalam bahasa Melayu yang kekal merujuk pohon, manakala dalam bahasa Jawa Kuno kata ini mengalami peluasan makna menjadi “wungu”. Leksikon [uŋu] dalam dialek Melayu Pahang diserap daripada bentuk bahasa Jawa Kuno ini, bukannya diwarisi terus daripada bahasa Malayo-Polinesia purba. Proses ini sekali gus memindahkan makna warna tersebut ke dalam inventori tempatan.

Pada masa yang sama, pengkaji turut mengumpulkan realisasi fonetik bagi warna kelabu disebabkan oleh kekerapan penggunaannya dalam komuniti Melayu. Selain denotasi kromatiknya, kelabu juga mempunyai makna yang berkaitan dengan emosi dan keadaan psikologi (*Kamus dewan edisi keempat*, 2007). Dengan berdasarkan data linguistik yang dikumpulkan di tapak penyelidikan, pengkaji berjaya mengenal pasti satu variasi tunggal bagi glos ini. Variasi ini dapat dilihat dalam Jadual 10.

**Jadual 10** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “kelabu”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
kelabu	TB, MBA, LP, BT, KB, BNT, MLA, BNJ, KMD; [klebu]	*klebu

Jadual 10 mempamerkan keseragaman yang signifikan kerana semua varian menuturkan glos bagi “kelabu” menggunakan gugusan konsonan awal [klɛbu]. Oleh sebab tahap penjajaran yang tinggi ini, analisis yang diperlukan untuk membina semula kosa kata purba tersebut tidaklah terlalu kompleks, yang natijahnya membawa kepada rekonstruksi \*klɛbu.

Analisis etimologi bagi leksikon “kelabu” menunjukkan bahawa kata ini bukanlah kata pinjaman. Sebaliknya, kata ini mewakili satu inovasi peribumi dalam cabang bahasa Melayik yang dibina daripada kata akar purba yang bermaksud abu. Akar bagi kata ini ialah \*habu pada peringkat bahasa Melayik purba sebagaimana yang dicatatkan oleh Adelaar (1992) dan hal ini dapat ditelusuri kembali kepada bentuk peringkat yang lebih tinggi, iaitu \*qabu (Blust & Trussel, 2023).

Transformasi daripada akar \*habu kepada bentuk “kelabu” [kɛlabu] tidak berlaku melalui perubahan bunyi ringkas /h/ > /l/, sebaliknya melalui proses pembentukan kata yang kompleks yang melibatkan imbuhan purba. Proses ini melibatkan gabungan awalan ke- dan sisipan -el-. Kronologi hipotetikal pembentukannya adalah seperti yang berikut, iaitu:

1. Kata akar: \*abu (bentuk \*habu sering kali kehilangan /h/ awal dalam banyak konteks bahasa Melayu, termasuklah dialek Melayu Pahang).
2. Proses pengimbuhan: Awalan ke- dan sisipan -el- diterapkan pada kata akar abu, menghasilkan ke + el + abu.
3. Hasil morfologi: k-el-abu.
4. Bentuk akhir: kelabu [kɛlabu].

Sisipan lateral -el- merupakan imbuhan purba yang berfungsi untuk membentuk kata nama atau kata adjektif yang bermaksud memiliki kualiti kata dasar tersebut. Dalam konteks ini, “kelabu” secara harfiahnya bermaksud mempunyai kualiti abu.

Bentuk [klɛbu] yang diperhatikan dalam data (Jadual 10) sebenarnya bukanlah ciri geminasi. Istilah geminasi merujuk pemanjangan konsonan atau konsonan berganda yang hakikatnya tidak berlaku dalam contoh ini. Sebaliknya, bentuk [kl] awal merupakan satu gugusan konsonan. Gugusan ini terhasil daripada proses fonologi yang sangat prevalen dalam bahasa Melayu, khususnya sinkope (sila rujuk Crowley dan Bower, 2010 untuk bacaan lanjut) atau pengguguran vokal pepet [ə] pada suku kata pertama. Prosesnya adalah seperti yang berikut: kelabu [kɛlabu] > klabu [klɛbu].

Penghapusan pepet ialah lumrah dalam pertuturan pantas, sebagai contoh pergi > pgi, terima > trima dan kepala > kpala. Oleh itu, rekonstruksi yang paling tepat bagi leksikon ini pada peringkat bahasa Melayu ialah

[kəlabu], manakala [kləbu] merupakan varian fonetik yang terhasil daripada kehilangan e pepet tersebut.

Secara global, warna merah jambu sering dikaitkan dengan konsep kelembutan dan feminisme (Navarro et al., 2014). Hal ini tidak menghairankan kerana warna tersebut kerap dizahirkan dalam konteks semula jadi, seperti flora dan dikaitkan secara budaya dengan aspek yang dianggap feminin. Cara warna ini ditanggapi oleh komuniti penutur dialek Melayu Pahang dapat dilihat dalam Jadual 11.

**Jadual 11** Analisis perbandingan varian dan bentuk leksikal purba bagi glos “merah jambu”.

Glos	Distribusi dalam Varian	Leksikal Purba
merah	TB; [meyɔh] MBA, LP, BT, BNT; [meyɔh dʒɛmbu]	*meyɛh
jambu	KB, MLA; ø BNJ, KMD; [mɛɔh dʒɛmbu]	*dʒɛmbu

Jadual 11 mendedahkan pola leksikal yang signifikan berkaitan dengan konsep warna merah jambu dalam dialek Melayu Pahang. Penelitian menunjukkan kewujudan dua strategi linguistik utama dalam realisasi glos ini. Strategi pertama melibatkan pengekalan frasa majmuk. Kebanyakan varian seperti MBA, LP, BT, BNT, BNJ dan KMD menggunakan bentuk penuh [me(y/ɛ)ɔh dʒɛmbu]. Penggunaan meluas bentuk ini mengindikasikan bahawa merah jambu merupakan satu bentuk standard yang stabil bagi menandakan spektrum warna tersebut merentasi kebanyakan wilayah.

Strategi kedua yang lebih tersendiri melibatkan pengelompokan makro yang dikenal pasti secara khusus dalam varian Tanjung Batu (TB). Varian ini hanya menggunakan item leksikal [meyɔh] (merah) bagi menandakan kedua-dua warna merah dan merah jambu. Fenomena dalam TB ini bukanlah kebetulan atau kesilapan, sebaliknya suatu manifestasi kognitif yang dapat dijelaskan menerusi teori hierarki warna sejagat (Berlin & Kay, 1969; Regier et al., 2005).

Sehubungan dengan itu, penggunaan [meyɔh] dalam varian TB membayangkan bahawa komuniti ini menyandarkan warna sekunder, iaitu merah jambu, kembali kepada spektrum warna asas yang paling hampir, iaitu merah. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Maully (2014), faktor, seperti budaya atau demografi, sebagai contoh jantina informan, mungkin mempengaruhi ketajaman perbezaan persepsi ini. Dalam varian TB, pemisahan leksikal antara “merah” dengan “merah jambu” tidak atau belum dianggap kritikal dan hal ini mengakibatkan penutur mengekalkan istilah induk [meyɔh] sebagai strategi pengkategorian yang berkesan.

## Analisis Etimologi dan Rekonstruksi Dalam

Bagi memahami bentuk asal yang dikekalkan oleh varian lain, pengkaji berupaya untuk menyelusuri lebih jauh punca asal usul leksikon ini. Frasa tersebut merupakan satu konstruksi hibrid yang menyepadukan elemen antara bahasa Austronesia dengan bahasa Sanskrit. Dalam hal ini, \*meyeh merupakan adjektif peribumi bahasa Austronesia yang menandakan warna merah. \*dzembu pula merupakan kata pinjaman nominal yang berasal daripada bahasa Sanskrit.

Secara kritisnya, istilah “jambu” dalam konteks Melayu mengalami adaptasi semantik. Walaupun istilah asalnya berkemungkinan besar merujuk buah jambū di India yang berwarna ungu tua, istilah ini dikaitkan di Alam Melayu dengan buah tempatan, seperti jambu air (*Syzygium aqueum*) atau varieti jambu batu merah yang memiliki rona merah muda yang diperkenalkan oleh pedagang asing. Natijahnya, “merah jambu” secara harfiah bermaksud merah yang memiliki kualiti buah jambu.

Dengan mengguna pakai kaedah rekonstruksi dalam (Berlin & Kay, 1969), dapat dirumuskan bahawa istilah “merah jambu” merupakan satu konstruksi sekunder. Istilah warna asas yang tulen, seperti “hitam”, “putih” dan “merah”, lazimnya bersifat ekaleksem, iaitu warna berkenaan terdiri daripada kata tunggal, tidak boleh dianalisis kepada komponen yang lebih kecil, serta bukan kata pinjaman.

Oleh sebab “merah jambu” terdiri daripada dua kata dan mengandungi elemen pinjaman Sanskrit, jelaslah bahawa kewujudan frasa ini merupakan suatu inovasi linguistik yang berlaku menyusuli kontak budaya luaran. Hakikat ini seterusnya memperkukuh kedudukan varian TB; walaupun kelihatan ringkas. Penggunaan istilah tunggal [meyoh] dalam TB mencerminkan sistem pengklasifikasian warna yang lebih asli atau fundamental yang wujud sebelum kemasukan pengaruh leksikal luaran yang membezakan spektrum “merah jambu” secara khusus.


## PERBINCANGAN

Tinjauan literatur dalam bahagian terdahulu menunjukkan beberapa lompong kritikal dalam korpus penyelidikan dialek Melayu Pahang. Satu kritikan primer memfokuskan hakikat bahawa kajian kontemporari (rujuk penyelidikan Ajid Che Kob & Mohd Tarmizi Hasrah, 2009; Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid, 2014; Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid, 2021, 2025) terlalu renik terhadap aspek rekonstruksi fonem semata-mata. Kajian tersebut gagal memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap unit linguistik yang lebih besar, iaitu leksikon, peralihan semantik dan etimologi.

Dapatan yang dibentangkan dalam bahagian ini, khususnya menerusi analisis domain “warna kelabu” dan “merah jambu”, menangani secara langsung pengabaian tersebut. Perbincangan ini membuktikan bahawa evolusi dialek tidak dapat difahami sepenuhnya dengan hanya bersandarkan data fonologi semata-mata. Pembatasan sedia ada ini mendorong kajian semasa untuk memanfaatkan instrumen analisis yang lebih luas yang tidak terhad pada lapangan fonologi bagi menangani faktor sebab akibat dan punca asal usul fenomena yang dibincangkan dalam bahagian sebelumnya.

Seperti yang dibahaskan dalam kajian lepas, penyelidikan terdahulu dikritik disebabkan oleh fokusnya yang terlalu mendalam terhadap dialektologi diakronik, khususnya rekonstruksi fonem purba. Perkara yang berkaitan dengan peralihan semantik, sama ada dalam bentuk penyempitan mahupun peluasan makna, kekal tidak ditangani. Pengabaian ini membawa pembaca kepada satu isu yang tidak pernah dibincangkan sebelum ini, iaitu perihal \*meyəh \*dʒəmbu.

Pembentangan data dalam Jadual 11 mengetengahkan satu fenomena yang tidak dapat diperincikan menerusi analisis fonologi semata-mata. Kebanyakan varian dalam kajian ini menggunakan frasa majmuk [me(ʏ/ɤ) əh dʒəmbu] bagi merujuk warna merah jambu. Sebaliknya, varian yang terletak di kawasan hilir Sungai Pahang, khususnya TB, mempamerkan retensi bentuk leksikal tunggal [meyəh] sebagaimana yang dirumuskan dalam Rajah 3.



**Rajah 3** Variasi bagi kata “merah jambu” dalam varian Melayu Pahang purba.

Sekiranya penyelidikan ini kekal terbatas pada peringkat fonemik semata-mata, [meyəh] hanya didokumentasikan sebagai suatu variasi fonetik bagi rona merah. Akan tetapi, dengan menggunakan pendekatan semantik, jelaslah bahawa varian Tanjung Batu (TB) memanfaatkan pengelompokan makro yang menunjukkan bahawa [meyəh] merangkumi kedua-dua spektrum warna merah dan merah jambu.

Dengan bersandarkan teori warna asas oleh Berlin dan Kay (1969), varian TB mengekalkan ciri kognitif sebelum Tahap VII, iaitu pada peringkat

kategori khusus bagi warna merah jambu yang belum lagi tercapah daripada rona induknya. Ketiadaan terminologi khusus ini menyebabkan komuniti TB menyandarkannya kembali kepada spektrum asas yang paling hampir, iaitu [meyoh]. Dapatan ini membuktikan bahawa anjakan linguistik di Pahang bukan sekadar fenomena auditori, malah melibatkan kelestarian sistem semantik purba.

Seterusnya, lompong kedua yang dikenal pasti berkaitan dengan etimologi kata yang direkonstruksi. Pengkaji berpendirian bahawa tanpa bantuan etimologi, adalah mustahil bagi khalayak umum untuk memahami asal usul leksikon dialek Melayu Pahang. Analisis yang dilakukan membuktikan dua perkara utama. Pertama, analisis ini menangani etimologi dalaman yang berkaitan dengan kes “kelabu” yang direalisasikan sebagai [klebu]. Kata tersebut sememangnya bukan kata pinjaman tetapi diterbitkan daripada kata akar “abu”. Leksikon bahasa Melayik purba \*habu menunjukkan suatu transformasi berlarutan antara \*habu dengan [klebu] dalam dialek Melayu Pahang yang menyepadukan awalan “ke-” dan sisipan “-el-”.

Kedua, analisis mengenai “ungu” memperkukuh hujah bahawa bidang dialektologi tidak boleh bergantung pada pangkalan data tunggal semata-mata. Walaupun jumlah keseluruhan leksikon purba melebihi angka enam digit, hal ini tidak menjamin ketersediaan data purba bagi glos tertentu, khususnya dalam domain warna. Dalam kes warna ungu, bukan sahaja *Austronesian Comparative Dictionary* (Blust dan Trussel, 2023) mengabaikan perkara ini, malah bahasa Melayik purba (Adelaar, 1992) juga tidak menggunakan domain warna secara khusus untuk merekonstruksi leksikon purba yang relevan.

Ketiadaan entri leksikal purba sedemikian memaksa pengkaji untuk meluaskan parameter korpus melangkaui subkeluarga bahasa Melayik bagi merangkumi bahasa Jawa Kuno. Nothofer (1975) merekonstruksi \*bunjuR sebagai sejenis pohon dengan bunga berwarna merah senduduk atau ungu mof (*malva* atau *mauve*). Bagi memenuhi keperluan terhadap terminologi “ungu”, satu item leksikal khusus diambil melalui proses peluasan maknanya. Perkembangan ini dapat diperhatikan menerusi urutan berikut:

Jawa Purba \*bunjuR > Jawa [wungu] > Melayu Pahang \*uju

Selain itu, analisis selanjutnya menunjukkan kehadiran etimologi luaran, terutamanya dalam kes merah jambu. Frasa majmuk ini berasal daripada penggabungan dua keluarga bahasa, iaitu bahasa Austronesia dan bahasa Indo-Eropah (khususnya bahasa Sanskrit). Pendedahan mengenai asal usul “merah jambu” berfungsi sebagai penanda bagi sifat dialek Melayu Pahang yang mengalami inovasi terkemudian yang menyimpang secara

signifikan daripada ciri asal yang hanya diketahui oleh penutur pada garis masa terdahulu.

Kosa kata Sanskrit yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu Pahang terhasil daripada pelarasan semantik, iaitu makna “jambū” yang menandakan warna ungu dalam bahasa Sanskrit beralih kepada warna merah jambu yang diiktiraf oleh komuniti penutur di sepanjang Sungai Pahang. Sekiranya pendekatan ortodoks terhadap dialektologi digunakan, perbincangan ini pastinya tidak dilanjutkan dan akan kekal bungkam dalam wacana akademik.

## **KESIMPULAN**

Perbincangan ini mengesahkan bahawa penyelidikan ini berjaya mengemukakan empat hasil signifikan yang melangkaui sempadan dialektologi tradisional. Kajian ini berjaya menjangkakan paradigma penyelidikan dialek daripada sekadar memfokuskan analisis fonologi kepada pendekatan multidisiplin yang menyatupadukan disiplin semantik dan etimologi. Melalui pendekatan ini, aplikasi teori warna asas membuktikan kewujudan retensi kognitif pratahap VII dalam varian Tanjung Batu. Penemuan ini penting kerana mampu menonjolkan fenomena perkembangan leksikal dan kognitif yang sama sekali tidak pernah dibincangkan dalam penyelidikan dialek Melayu Pahang.

Selain itu, kajian ini turut memperluas dimensi sejarah kontak bahasa menerusi penerapan pendekatan bukan ortodoks, iaitu dengan menyertakan analisis kata pinjaman, seperti daripada bahasa Sanskrit dan bahasa Parsi. Pendekatan perbandingan korpus ini kemudiannya diperluas kepada bahasa Jawa purba yang akhirnya mengisi kelompangan data etimologi yang diyakini kritikal.

Sehubungan dengan dapatan mengenai pengaruh kontak bahasa dan evolusi leksikal yang kompleks, kajian lanjutan wajar memberikan tumpuan utama terhadap integrasi arkeologi dan linguistik yang mensintesis data rekonstruksi leksikal dengan bukti fizikal sejarah di sepanjang lembangan Sungai Pahang. Pendekatan antara disiplin ini amat kritikal bagi membina korelasi empirikal antara trajektori peminjaman bahasa (seperti pengaruh bahasa Parsi, bahasa Sanskrit dan bahasa Jawa Kuno) dengan pola migrasi dan aktiviti perdagangan maritim yang pernah membentuk tamadun sungai tersebut. Dengan menyandarkan penemuan linguistik terhadap rekod arkeologi yang nyata, evolusi dialek Melayu Pahang tidak lagi sekadar dilihat sebagai anjakan bunyi dan makna yang abstrak, sebaliknya dapat diperkukuh sebagai sebuah naratif sejarah sosiobudaya yang dinamik, autentik dan tuntas.

## PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak Prince of Songkla University atas peruntukan Dana Pembangunan Pensyarah.

## SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap keseluruhan penulisan makalah ini.

## PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

## PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## RUJUKAN

- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistics. <https://openresearch-repository.anu.edu.au/server/api/core/bitstreams/15e85edf-7a6d-401c-b835-b7b092d84958/content>
- Ajid Che Kob, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2009). Dialek Melayu Pahang: Tinjauan di Sungai Jelai. *Jurnal Persatuan Linguistik*, 9, 61–76.
- Ameel, E., Barbaca C., M., Gert, S., & Fons, V. A. (2009). Semantic convergence in the bilingual lexicon. *Journal of Memory and Language*, 60(2), 270–290. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.jml.2008.10.001>
- Asiah Idris. (1989). Fonologi dialek Pahang: Satu kajian awal di kampung Sentang. *Dewan Bahasa*, 33(6), 415–431.
- Asmah Haji Omar. (2015a). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (ed. ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015b). *Susur galur bahasa Melayu* (ed. ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. (1979). *Dialektologi: Sebuah pengantar*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Berlin, B., & Kay, P. (1969). *Basic color terms: Their universality and evolution*. University of California Press.
- Blust, R., & Trussel, S. (2023). *Austronesian comparative dictionary*. Zenodo. <https://doi.org/10.5281/zenodo.7741197>
- Campbell, L. (2020). *Historical linguistics: An introduction* (ed. ke-4). The MIT Press.
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (2004). *Dialectology* (ed. ke-2). Cambridge University Press.

- Collins, J. T. (1983a). Dialek Pahang: Rangka pengenalan (Bahagian akhir). *Jurnal Dewan Bahasa*, 27(1), 99–118.
- Collins, J. T. (1983b). Dialek Pahang: Rangka pengenalan (Bahagian pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*, 27, 7–29.
- Collins, J. T. (1999). *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T., & Bowern, C. (2010). *An introduction to historical linguistics* (ed. ke-4). Oxford University Press.
- Deterding, D., Ishamina Athirah Gardiner, & Najib Noorashid. (2022). *The phonetics of Malay*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781108942836>
- Dodykhudoeva, L. R., & Ivanov, V. B. (2021). Methodology for collection of data and elicitation of knowledge on eastern Iranian languages. Dlm. *Strategies for knowledge elicitation* (hlm. 157–176). Springer International Publishing. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-79341-8\\_10](https://doi.org/10.1007/978-3-030-79341-8_10)
- Fraser, H. (2011). Phonetics and phonology. Dlm. J. Simpson (Pnyt.), *The routledge handbook of applied linguistics*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203835654>
- Ismail Hussein. (1973). Malay dialect in the Malay Peninsula. *Jurnal Nusantara*, 3, 69–79.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, & Ahmad Khairul Ashraaf Saari. (2019). Varian kata ganti nama dalam dialek Melayu Pekan, Pahang : Analisis geolinguistik. *Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2019)*, 399–411. <https://tamadunpahang.ump.edu.my/doc.php?t=p&i d=a96ad30c401a1af9afedbc2fbd74c86c69cbc9ed2ef0b>
- Kamus dewan edisi keempat*. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Ashraaf Saari, Nor Hashimah Jalaluddin, & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2022). Analisis vokal /a/ di akhir kata dalam dialek Melayu di hilir Pahang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(4), 142–160. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2204-09>
- Marlyna Maros. (2010). Dialek Pekan: Penggunaan dan pengekaln. *Jurnal Bahasa*, 10(1), 74–97. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8171>
- Maully, G. K. (2014). Male and female differences in colour naming, a case study of FIB UI English students. *Paradigma: Jurnal Kajian Budaya*, 5(1), 53–67. <https://doi.org/10.17510/paradigma.v5i1.164>
- Means, N. (1998). *Temiar-English, English-Temiar dictionary*. Hamline University Press.
- Mejia de la Pava, C., & Manessi, S. (2024). Hands-on data gathering. *Journal for Foreign Languages*, 16(1), 155–174. <https://doi.org/10.4312/vestnik.16.155-174>
- Milroy, L. (1980). *Language and social networks*. Basil Blackwell.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2014). *Fosil dialek Melayu Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. H., & Rahim Aman. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(3), 211–222. <http://journalarticle.ukm.my/6603/1/4230-9741-1-SM.pdf>
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Nur Shahira Mohd Hussni, Nur Sufiah Azmi, & Nurul Huda Ariffin. (2023). Rekonstruksi fonem konsonan purba Rio De Panagim. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 1–32. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no1)
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2021). *Genetik purba dialek Melayu: Di lembangan tengah Sungai Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2023). Reconstruction of Proto central of Pahang River phoneme. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 31(1). <https://doi.org/10.47836/PJSSH.31.1.19>
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2024). Keragaman ciri fonologi dialek Melayu di Sungai Pahang. Dlm. Norfazila Ab. Hamid, Kartini Abd. Wahab, & Wan Robiah Wan Meor Osman (Pnyt.), *kepelbagaian kajian ilmu bahasa* (hlm. 72–92). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2025). Tatanan vokal proto: Pelayaran inovasi isolek Pahang proto ke Malayik purba. Dlm. *Kelestarian penyelidikan bahasa, sastera dan budaya*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2025). Kajian lanjutan fonem Melayu purba di Sungai Pahang. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 33(3), 1317–1343. <https://doi.org/https://doi.org/10.47836/pjssh.33.3.17>
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rahim Aman, Shahidi A. Hamid, & Nurul Shuhada Shafie. (2023). Linguistik sejarawi: Tatacara rekonstruksi berdasarkan rangka kerja Terry Crowley dan penerapan pendeskripsian Lyle Campbell. Dlm. Mohd Muhaimi Abdul Rahman, Muhd Norizam Jamian, Sa'adiah Ma'alip, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Kartini Abd. Wahab, & Che Abdullah Che Ya (Pnyt.), *Kolokium Siswazah BITARA MELAYU 2023 (KOSIMA 2023)* (hlm. 57–58). Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.
- Muhammad Norsyafiq Zaidi, Rohani Pooteh, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2025). Kata pinjaman daripada keluarga bahasa Tai-Kadai dan Mon-Khmer dalam dialek Melayu Sungai Pahang: Analisis etimologi berasaskan pangkalan data bahasa purba. Dlm. Fathin Noor Ain Ramli, Hishamudin Isam, Melor Fauzita Md. Yusoff, Rohizah Halim, & Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim (Pnyt.), *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu (RENTAS 2025)* (hlm. 577–583). Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (UBSBM), Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia (UUM).

- Muhammad Norsyafiq Zaidi. (2018). *Variasi subdialek Nenasi, Pekan Pahang*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Norsyafiq Zaidi. (2026). *Rekonstruksi dan klasifikasi dialek Melayu Pahang purba*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Navarro, R., Martínez, V., Yubero, S., & Larrañaga, E. (2014). Impact of gender and the stereotyped nature of illustrations on choice of color: Replica of the study by Karniol (2011) in a Spanish sample. *Gender Issues, 31*(2), 142–162. <https://doi.org/10.1007/s12147-014-9122-1>
- Ogloblin, A. (2018). Notes on structural distinctions in Malay dialects. *Wacana, 19*(2), 327. <https://doi.org/10.17510/wacana.v19i2.706>
- Ohala, J. J. (2005). The marriage of phonetics and phonology. *Acoustical Science and Technology, 26*(5), 418–422. <https://doi.org/10.1250/ast.26.418>
- Regier, T., Kay, P., & Cook, R. S. (2005). Focal colors are universal after all. *Proceedings of the National Academy of Sciences, 102*(23), 8386–8391. <https://doi.org/10.1073/pnas.0503281102>
- Rohani Pooteh, Karim Harun, Maslida Yusof, & Collins, J. T. (2023). Etimologi nama dan makna Saroh (Yarang, Pattani) berdasarkan konsep linguistik perbandingan. *Akademika, 93*(02). <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9302-17>
- Sabariah Sulaiman, Nur Hidayah Rashidi, & Seong, T. K. (2019). Pengaruh Islam, Arab dan Parsi dalam inovasi sistem tulisan Jawi. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastra Melayu, 6*, 214–229. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1165>
- SEAlang Library*. (t.t). Dicapai pada 1 Ogos 2024 daripada <http://sealang.net/library/>
- Shahidi A. Hamid. (2018). Penelitian varian dialek Melayu. *Prosiding BAYU 2018: Kolokium Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, 39–43*. [https://www.researchgate.net/profile/Mawar-Safei/publication/339302030\\_Prosiding\\_BAYU\\_2018/links/5e4a4438299bf1c9310336/Prosiding-BAYU-2018.pdf#page=43](https://www.researchgate.net/profile/Mawar-Safei/publication/339302030_Prosiding_BAYU_2018/links/5e4a4438299bf1c9310336/Prosiding-BAYU-2018.pdf#page=43)
- Shorto, H. L. (2006). *A Mon-Khmer comparative dictionary* (P. Sidwell, D. Cooper, & C. Bauer (Pnyt.)). Pacific Linguistics, Research School of Pacific and Asian Studies, The Australian National University. <https://doi.org/10.15144/PL-579>
- Starostin, S. (2003). *Tai-Kadai etymology*. Dicapai pada 1 Ogos 2024 daripada <https://starlingdb.org/cgi-bin/query.cgi?root=config&morpho=0&basenam e=%5Cdata%5Cthai%5Ckdaiet>
- Sturrock, A. J. (1912). Some notes on the Kelantan dialect, and some comparisons with the dialects of Perak and Central Pahang. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, 62*, 1–7. <https://www.jstor.org/stable/41561157>
- Wallis, A. K., & Westerveld, M. F. (2024). Examining adolescent language performance in discourse production across four elicitation tasks. *Language, Speech, and Hearing Services in Schools, 55*(3), 838–852. [https://doi.org/10.1044/2024\\_LSHSS-23-00163](https://doi.org/10.1044/2024_LSHSS-23-00163)
- Wilkinson, R. J. (1932). *A Malay-English dictionary: Romanised*. Salavopoulos and Kinderlis.